



جابتن عالم سڪيتر تامن دان ريڪرياسي  
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT, PARKS AND RECREATION  
MINISTRY OF DEVELOPMENT | BRUNEI DARUSSALAM

## **MEDIA RELEASE**

### **TWENTY-SIXTH MEETING OF THE SUB-REGIONAL MINISTERIAL STEERING COMMITTEE ON TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION**

**(26<sup>TH</sup> MSC)**

**10 July 2025, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam**

1. The Twenty-sixth Meeting of the Sub-Regional Ministerial Steering Committee on Transboundary Haze Pollution (26<sup>th</sup> MSC) was held on 10 July 2025 in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. The Meeting was attended by Ministers, senior officials and/or representatives for land, forest fires and haze, from Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapore, and Thailand, and the Deputy Secretary-General of ASEAN Secretariat, under the Chairpersonship of H.E. Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda Haji Abdul Rashid, Minister of Development, Brunei Darussalam. Timor-Leste also attended as Observer. Brunei Darussalam's delegation was led by Yang Mulia Dayang Dr Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Permanent Secretary, Ministry of Development and comprised of Senior Officials from the Department of Environment, Parks and Recreation (JASTRe), National Disaster Management Centre (NDMC), Brunei Fire and Rescue Department (BFRD), Brunei Darussalam Meteorological Department (BDMD) and Forestry Department. The Twenty-sixth Meeting of the Technical Working Group on Transboundary Haze Pollution (26<sup>th</sup> TWG) preceded the Meeting on 9 July 2025, chaired by Yang Mulia Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit, Director of Environment, Parks and Recreation, Ministry of Development.

2. Yang Berhormat Minister of Development highlighted the critical need for a holistic and more integrated approach to address transboundary haze, as evolving climate patterns and increasing land-use pressures may result in the potential risks of fire and haze incidents. This call comes as the Southern Region has triggered Alert Level 1 due to isolated hotspots and localized haze still occurring in certain areas. Yang Berhormat Minister of Development shared that Brunei Darussalam

has proactively implemented mitigation measures to combat haze and forest fires, with a strong focus on peatland conservation and sustainable environmental management. Furthermore, the nation has bolstered coordination efforts to cultivate closer relationships, enhance understanding and promote active cooperation among all relevant stakeholders including government agencies, private developers, farmers, civil society groups, and local communities, all working together on fire prevention and haze issues. These efforts also encompass raising awareness about potential causes and exploring effective solutions to these challenges. Yang Berhormat Minister of Development urged all ASEAN Member States on the need to remain vigilant by further strengthening their preparedness and response capabilities, particularly in addressing transboundary smoke haze during the traditional dry period and in the face of unpredicted climate variability.

3. The Meeting reaffirmed their commitment to the full and effective implementation of the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (AATHP) and congratulated the adoption of the Kuala Lumpur Declaration on the 10<sup>th</sup> Anniversary of the ASEAN Community by the 46<sup>th</sup> ASEAN Summit, and further welcomed the ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC) Strategic Plan for the ASEAN Community Vision 2045 as a guiding framework for the ASCC.

4. The Meeting commended on the signing by all ASEAN Member States of the Establishment Agreement of the ASEAN Coordinating Centre for Transboundary Haze Pollution Control (ACC THPC) and looked forward to the full establishment and operationalisation of the Centre in Indonesia to facilitate faster and effective implementation of the AATHP to address transboundary haze pollution in the region.

5. The Meeting noted the good progress made in implementing the Second Roadmap on ASEAN Cooperation towards Transboundary Haze Pollution Control with Means of Implementation (Haze-free Roadmap) 2023-2030, the Second ASEAN Peatland Management Strategy (APMS) 2023-2030, and the ASEAN Investment Framework for Haze-Free Sustainable Land Management which are essential in driving forward our shared vision of a Transboundary Haze- Free ASEAN by 2030. The Meeting also noted the convening of the Ad-Hoc Task Force Meetings of the ASEAN Investment Framework for Haze-free Sustainable Land Management and Partners' Dialogue to support ASEAN and the ASEAN Member States to establish multi-stakeholder partnerships and help secure resources at local, national and regional levels to promote sustainable land management and effectively address transboundary haze issues.

6. The Meeting noted the ASEAN Specialised Meteorological Centre's

(ASMC's) weather and smoke haze review, as well as outlook for the southern ASEAN region. The hotspot counts over the southern ASEAN region for the first half of 2025 was around 43% lower compared to the same period in 2024. Localised smoke plumes were observed during brief dry periods in the first half of 2025. ASMC reported that the ENSO status is currently neutral (neither El Niño nor La Niña), and is expected to remain neutral at least till October 2025. Based on latest climate outlooks, ASMC expects near-normal to above-normal rainfall over most parts of the southern ASEAN region in the coming months. Nonetheless, there continues to be a risk of transboundary smoke haze occurrence as hotspots with smoke plumes/haze can still be expected over fire-prone areas, particularly during periods of drier conditions. The Meeting welcomed the upgrade of the ASMC WMO Information System (WIS), the development of a prototype of the regional burnt area product, enhancement of the seasonal outlooks of rainfall and temperature, high resolution regional climate projections via the online climate visualiser and upcoming initiatives under its regional capability-building programme.

7. The Meeting acknowledged the continued efforts of the Malaysian Meteorological Department (MET Malaysia) to strengthen the operational capacity of the Southeast Asia Fire Danger Rating System (SEA FDRS). The meeting noted the key initiatives, which include the deployment of additional Automated Auxiliary Weather Stations (AAWS) under the Sustainable Management of Peatland Ecosystem in Malaysia (SMPEM GEF-IFAD), the proposed establishment of the FDRS backup system by 2027 to safeguard the continuity of the FDRS services, and planned collaboration with ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) and Centre for Climate Research Singapore (CCRS) to support the development of future Fire Weather Indices (FWI) for SEA FDRS projections through 2100.

8. The Meeting commended the various initiatives and actions by MSC countries on the implementation of the Strategic Review of the Sub-Regional Ministerial Steering Committee Programmes and Activities. The Meeting acknowledged that deforestation, peat fires, drainage and conversion to agricultural and forestry plantations, remain critical challenges particularly in the southern ASEAN region. The Meeting reiterated its pledge to stay vigilant and intensify their fires monitoring and haze preventive efforts to minimise the occurrence of transboundary smoke haze in cooperation with relevant partners and stakeholders.

9. The Meeting conveyed appreciation and congratulated the successful completion of the Sustainable Use of Peatland and Haze Mitigation in ASEAN (SUPA) / Strengthening Regional Experiences on Sustainable Peatland Management (REPEAT). The Meeting noted that Measurable Action for Haze-

Free Sustainable Land Management in Southeast Asia (MAHFSA) will reach its completion soon, and welcomed the upcoming Integrated Approaches to Climate Protection and Air Quality Improvement in Southeast Asia / Mekong Sub-region (SEACAI). The Meeting highlighted the need to expand and deepen the collaboration with Partners and stakeholders in strengthening local, national and regional cooperation for a haze-free ASEAN, as well as community empowerment for climate-resilient fire and haze management.

10. The Meeting looked forward to the convening of the 20<sup>th</sup> Meeting of the Committee under the Conference of the Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (COM-20) and the 20<sup>th</sup> Meeting of the Conference of the Parties (COP-20) in September 2025 in Malaysia.

11. The Meeting expressed their appreciation to the Government of Brunei Darussalam for hosting the 26<sup>th</sup> MSC Meeting and the excellent arrangements made. The 27<sup>th</sup> MSC Meeting will be held in Indonesia in 2026.

---

**Prepared by:**

Department of Environment, Parks and Recreation

Ministry of Development

E-mail: [jastre.epm@env.gov.bn](mailto:jastre.epm@env.gov.bn)

Reference: (08)JASTRE/PR/2025

Focal point: Rodziah Haji Adnan (+673 8637017 / [rodziah.adnan@env.gov.bn](mailto:rodziah.adnan@env.gov.bn))

## **SIARAN MEDIA**

### **MESYUARAT KE-26 JAWATANKUASA PANDU MENTERI- MENTERI SUB-SERANTAU MENGENAI PENCEMARAN JEREBU RENTAS SEMPADAN**

**(MSC KE-26)**

**10 Julai 2025, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**

1. Mesyuarat Ke-26 Jawatankuasa Pandu Peringkat Menteri-Menteri Sub-Serantau (MSC Ke-26) Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan telah diadakan pada 10 Julai 2025 di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Menteri-menteri, pegawai-pegawai kanan dan/atau wakil-wakil bagi hal ehwal tanah, kebakaran hutan dan jerebu dari Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura, dan Thailand, serta Timbalan Ketua Setiausaha Sekretariat ASEAN, di bawah Pengerusi Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. Timor-Leste turut hadir sebagai Pemerhati. Delegasi dari Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Yang Mulia Dayang Dr Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan dan terdiri daripada Pegawai-Pegawai Kanan dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Jabatan Bomba dan Penyelamat (BFRD), Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan Jabatan Perhutanan. Mesyuarat Kedua Puluh Enam Kumpulan Kerja Teknikal (TWG Ke-26) Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan telah diadakan sebelum Mesyuarat ini pada 9 Julai 2025, dipengerusikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit, Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan.
2. Yang Berhormat Menteri Pembangunan menekankan keperluan kritikal untuk pendekatan yang holistik dan lebih bersepadu bagi menangani jerebu rentas sempadan, memandangkan corak iklim yang berubah dan tekanan penggunaan tanah yang semakin meningkat boleh mengakibatkan potensi risiko kejadian

kebakaran dan jerebu. Seruan ini dibuat susulan Wilayah Selatan telah mencetuskan Amaran Tahap 1 disebabkan oleh titik panas dan jerebu tempatan yang masih berlaku di kawasan-kawasan tertentu. Yang Berhormat Menteri Pembangunan turut berkongsi bahawa Brunei Darussalam telah melaksanakan langkah-langkah mitigasi secara proaktif untuk menangani jerebu dan kebakaran hutan, dengan memberikan tumpuan kepada pemuliharaan tanah gambut dan pengurusan alam sekitar yang mampan. Selain itu, negara ini telah memperkukuh usaha penyelarasan untuk memupuk hubungan yang lebih rapat, meningkatkan kefahaman, dan menggalakkan kerjasama aktif di kalangan semua pihak berkepentingan yang relevan termasuk agensi kerajaan, pemaju swasta, petani, kumpulan masyarakat sivil, dan komuniti tempatan, semuanya bekerjasama dalam isu-isu pencegahan kebakaran dan jerebu. Usaha-usaha ini juga merangkumi peningkatan kesedaran tentang punca-punca berpotensi dan meneroka penyelesaian yang berkesan terhadap cabaran-cabaran tersebut. Yang Berhormat Menteri Pembangunan seterusnya menggesa semua Negara Anggota ASEAN mengenai keperluan untuk kekal berwaspada dengan memperkukuh lagi keupayaan kesiapsiagaan dan tindak balas mereka, terutamanya dalam menangani jerebu asap rentas sempadan semasa musim kemarau tradisional dan dalam menghadapi perubahan iklim yang tidak menentu.

3. Mesyuarat mengesahkan semula komitmen mereka terhadap pelaksanaan penuh dan berkesan Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (AATHP) dan mengucapkan tahniah atas penerimaan Deklarasi Kuala Lumpur sempena Ulang Tahun Ke-10 Komuniti ASEAN oleh Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46, dan seterusnya mengalu-alukan Pelan Strategik Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) untuk Wawasan Komuniti ASEAN 2045 sebagai rangka kerja panduan bagi ASCC.

4. Mesyuarat itu menghargai penandatanganan oleh semua Negara Anggota ASEAN bagi Perjanjian Penubuhan Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Kawalan Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (ACC THPC) dan menantikan penubuhan penuh serta pengoperasian Pusat tersebut di Indonesia untuk memudahkan pelaksanaan AATHP yang lebih pantas dan berkesan bagi menangani pencemaran jerebu rentas sempadan di rantau ini.

5. Mesyuarat mengambil maklum kemajuan baik yang dicapai dalam melaksanakan Pelan Hala Tuju Kedua Kerjasama ASEAN ke arah Kawalan Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan dengan Cara Pelaksanaan (Pelan Hala Tuju Bebas Jerebu) 2023-2030 (*Second Roadmap on ASEAN Cooperation towards Transboundary Haze Pollution Control with Means of Implementation (Haze-free Roadmap) 2023-2030*), Strategi Pengurusan Tanah Gambut ASEAN

Kedua (APMS) 2023-2030 (*Second ASEAN Peatland Management Strategy (APMS) 2023-2030*), dan Rangka Kerja Pelaburan ASEAN untuk Pengurusan Tanah Mampan Bebas Jerebu (*ASEAN Investment Framework for Haze-Free Sustainable Land Management*). Ini semua adalah penting dalam mendorong visi bersama untuk ASEAN Bebas Jerebu Rentas Sempadan menjelang 2030. Mesyuarat juga mengambil maklum mengenai penganjuran Mesyuarat Pasukan Petugas Ad-Hoc bagi Rangka Kerja Pelaburan ASEAN untuk Pengurusan Tanah Mampan Bebas Jerebu dan Dialog Rakan Kongsi yang bertujuan untuk menyokong ASEAN dan Negara-negara Anggota ASEAN dalam menjalinkan perkongsian pelbagai pihak berkepentingan dan membantu mendapatkan sumber di peringkat tempatan, kebangsaan dan serantau bagi menggalakkan pengurusan tanah mampan dan menangani isu jerebu rentas sempadan dengan berkesan.

6. Mesyuarat mengambil maklum mengenai maklumat cuaca dan asap jerebu Pusat Meteorologi Khas ASEAN (*ASEAN Specialised Meteorological Centre, ASMC*), serta tinjauan bagi rantau selatan ASEAN. Jumlah titik panas di rantau selatan ASEAN untuk separuh pertama tahun 2025 adalah sekitar 43% lebih rendah berbanding tempoh yang sama pada tahun 2024. Kepulan asap setempat diperhatikan semasa tempoh kering singkat dalam separuh pertama tahun 2025. ASMC melaporkan bahawa status ENSO pada masa ini adalah neutral (bukan El Niño mahupun La Niña), dan dijangka kekal neutral sekurang-kurangnya sehingga Oktober 2025. Berdasarkan tinjauan iklim terkini, ASMC menjangkakan hujan hampir normal hingga melebihi normal di kebanyakan bahagian rantau selatan ASEAN dalam bulan-bulan akan datang. Walau bagaimanapun, risiko kejadian jerebu asap rentas sempadan masih ada kerana titik panas dengan kepulan asap/jerebu masih boleh dijangka di kawasan-kawasan yang mudah terbakar, terutamanya semasa tempoh keadaan yang lebih kering. Mesyuarat turut mengalu-alukan penaiktarafan Sistem Maklumat WMO (*WMO Information System, WIS*) ASMC, pembangunan prototaip produk kawasan terbakar serantau, Penambahbaikan ramalan musim hujan dan suhu, projeksi resolusi tinggi iklim serantau melalui iklim pembayang visual dalam talian dan inisiatif akan datang di bawah program pembangunan keupayaan serantaunya.

7. Mesyuarat mengambil maklum usaha berterusan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) untuk memperkukuh kapasiti operasi Sistem Penarafan Bahaya Kebakaran Asia Tenggara (*Southeast Asia Fire Danger Rating System, FDRS*). Mesyuarat mengambil maklum inisiatif-inisiatif utama termasuk pengerahan Stesen Cuaca Bantu Automatik (Automated Auxiliary Weather Stations, AAWS) tambahan di bawah Pengurusan Mampan Ekosistem Tanah Gambut di Malaysia (*Sustainable Management of Peatland Ecosystem in Malaysia, SMPPEM GEF-IFAD*), cadangan penubuhan sistem sandaran FDRS

menjelang 2027 untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan FDRS, dan perancangan kerjasama dengan Pusat Meteorologi Khas ASEAN (*ASEAN Specialised Meteorological Centre*, ASMC) dan Pusat Penyelidikan Iklim Singapura (*Centre for Climate Research*, CCRS) untuk menyokong pembangunan Indeks Cuaca Kebakaran (*Fire Weather Indices*, FWI) masa hadapan bagi SEA FDRS sehingga tahun 2100.

8. Mesyuarat menghargai pelbagai inisiatif dan tindakan oleh negara-negara MSC dalam pelaksanaan Kajian Semula Strategik Program dan Aktiviti Jawatankuasa Pandu Peringkat Menteri Sub-Serantau (*Strategic Review of the Sub-Regional Ministerial Steering Committee Programmes and Activities*). Mesyuarat mengambil maklum bahawa penebangan hutan, kebakaran tanah gambut, penyaliran dan penukaran kepada ladang pertanian dan perhutanan, kekal sebagai cabaran kritikal terutamanya di rantau selatan ASEAN. Mesyuarat turut mengesahkan komitmen untuk kekal berwaspada dan mempergiatkan usaha pemantauan kebakaran dan pencegahan jerebu untuk mengurangkan kejadian jerebu asap rentas sempadan dengan kerjasama rakan kongsi dan pihak berkepentingan yang berkaitan.

9. Mesyuarat itu merakamkan penghargaan dan mengucapkan tahniah atas kejayaan penyiapan projek Penggunaan Mampan Tanah Gambut dan Mitigasi Jerebu di ASEAN (*Sustainable Use of Peatland and Haze Mitigation in ASEAN*, SUPA) / Memperkukuh Pengalaman Serantau mengenai Pengurusan Mampan Tanah Gambut (*Strengthening Regional Experiences on Sustainable Peatland Management*, REPEAT). Mesyuarat mengambil maklum bahawa projek Tindakan Terukur kearah Bebas Jerebu bagi Pengurusan Tanah Mampan di Asia Tenggara (*Measurable Action for HazeFree Sustainable Land Management in Southeast Asia*, MAHFSA) akan tamat tidak lama lagi, dan mengalu-alukan projek Pendekatan Bersepadu untuk Perlindungan Iklim dan Penambahbaikan Kualiti Udara di Asia Tenggara / Sub-rantau Mekong (*Integrated Approaches to Climate Protection and Air Quality Improvement in Southeast Asia / Mekong Sub-region*, SEACAI) yang akan datang. Mesyuarat menekankan keperluan untuk meluaskan dan mendalamkan kerjasama dengan Rakan Kongsi dan pihak berkepentingan dalam memperkukuh kerjasama di peringkat tempatan, kebangsaan dan serantau untuk ASEAN bebas jerebu, serta pemerkasaan komuniti bagi pengurusan kebakaran dan jerebu yang berdaya tahan iklim.

10. Mesyuarat menantikan penganjuran Mesyuarat Ke-20 Jawatankuasa di bawah Persidangan Ahli-ahli Parti kepada Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (COM-20) dan Mesyuarat ke-20 Persidangan Ahli-Ahli Parti kepada Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (COP-20) pada September 2025 di Malaysia.



11. Mesyuarat merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah Mesyuarat MSC Ke-26 dan mengambil maklum mengenai Mesyuarat MSC Ke-27 yang akan diadakan di Indonesia pada tahun 2026.

---

**Disediakan oleh:**

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi  
Kementerian Pembangunan  
E-mel: [jastre.epm@env.gov.bn](mailto:jastre.epm@env.gov.bn)

Rujukan: (08) JASTRE/PR/2025

Focal point: Rodziah Haji Adnan (+673 8637017 / [rodziah.adnan@env.gov.bn](mailto:rodziah.adnan@env.gov.bn))